

Rezeki 12 sekolah terima 600 Qamus Digital Pro17

Sinar Harian Online

24 April 2018



Rezeki 12 sekolah terima 600 Qamus Digital Pro17

WARTAWAN SINAR HARIAN
24 APRIL 2018



empat kiri Mohd Azman menyempurnakan majlis penyerahan Qamus Digital Pro17 kepada sekolah berkenaan.

A+ (Ubah saiz teks)

HULU SELANGOR - Technology Park Malaysia (TPM) Corporation Sdn Bhd mengedarkan 600 Qamus Digital Pro17 kepada 12 sekolah rendah dan menengah di Dun Hulu Bernam.

Ketua Pegawai Eksekutif TPM, Datuk Ir Nohd Azman Shahidin berkata, kamus bertaraf antarabangsa itu dapat membantu pelajar menguasai bahasa Inggeris biasa dan istilah teknikal secara digital.

Menurutnya, dengan perisian mesra pengguna, Qamus Digital Pro17 mempunyai lebih 800,00 penyelesaian perkataan yang meliputi 20 kamus dan dapat disampaikan dalam 21 bahasa.

"Ciri-ciri lain termasuk terjemahan, semakan ejaan, fungsi sebutan selain keupayaan penguasaan membaca, bertutur serta mendengar.



"Produk ini menggabungkan infrastruktur terkini bagi membantu meningkatkan mutu pembelajaran dalam sistem pendidikan dengan mengatasi kelemahan pelajar.

"Inovasi ini dibangunkan bersama MyView System Sdn Bhd dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Alor Gajah, Melaka di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti)," katanya.

Bellau berkata demikian ketika merasmikan program Aspirasi Pendidikan Digital Feida dan Penyerahan Qamus Digital Pro17 di Dewan Semai Bakti Feida Soeharto.

Hadir sama, Pengarah Seranta Feida, Datuk Mohamad Khairuddin Mohamad dan Ahli Lembaga Pengarah Feida, Datuk Mohd Isa Abu Kassim.

Turut hadir, Ahli Lembaga Pengarah Tabung Haji, Datuk Rosni Sohar dan Pegawai Pendidikan Daerah Hulu Selangor, Abu Mansor Sathri.

Mohd Azman berkata, keupayaan berkomunikasi dalam bahasa Inggeris menjadi kelebihan kepada pelajar kerana bahasa itu digunakan secara meluas di bidang sains, kejuruteraan, perubatan, perdagangan, kewangan serta pelaburan.

Menurutnya, Qamus Digital Pro17 dibangunkan dengan pelaburan berjumlah RM300,000 selepas kajian menyeluruh berhubung kelemahan pelajar dalam persaingan yang kompetitif.

"Kami yakin ia dapat beri kemahiran pelajar," katanya.

